

06 JUL 2002

Mordiah-Wanita (Bergambar)

WANITA PBB MAHU KERAJAAN NEGERI TUBUH JABATAN HAL EHWAL WANITA

KUCHING, 6 Julai (Bernama) -- Pergerakan Wanita Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) mahu kerajaan negeri menubuhkan sebuah jabatan khas untuk menjaga hal ehwal wanita secepat mungkin, kata Ketuanya Datin Paduka Sharifah Mordiah Tuanku Fauzi hari ini.

Beliau, yang juga Menteri Muda Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita Sarawak berkata jabatan itu perlu untuk membangun dan mengukuhkan pertubuhan wanita serta mewujudkan pangkalan data terkini mengenai status dan isu wanita di negeri ini.

"Sekarang cuma terdapat biro wanita untuk menjaga hal ehwal wanita di Sarawak dan menghadapi masalah kekurangan kakitangan," katanya pada perasmian serentak perhimpunan agung Pergerakan Pemuda dan Wanita PBB di Santubong dekat sini.

Sharifah Mordiah berkata pengwujudan sebuah jabatan hal ehwal wanita negeri merupakan sandaran yang kuat dan kukuh kepada wanita di negeri ini yang masih banyak kekurangan dari sudut kakitangan dan jawatan penting.

Mengenai tenaga kerja, beliau berkata secara keseluruhannya, jumlah pekerja wanita masih rendah berbanding lelaki.

"Kekurangan ini sebahagian besarnya disebabkan ketiadaan kemahiran dan juga tumpuan wanita terhadap tuntutan domestik serta keluarga," katanya.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Pemuda PBB Datuk Gramong Juna berkata dua usul berkaitan pendidikan serta sumber manusia dan aspek sosio-budaya akan dibentangkan pada perhimpunan agung Pemuda PBB kali ini.

Katanya, Pergerakan Pemuda PBB juga menyambut baik pengwujudan dana pendidikan sebanyak RM100 juta oleh Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud selaku Presiden PBB baru-baru ini.

Gramong turut memberi jaminan Pemuda PBB akan terus memberi sokongan kepada proses peralihan kuasa daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

-- BERNAMA

FLL MT ROS